BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Bil. 10/2018 | Oktober | www.library.uitm.edu.my

IQRA'

PTAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

"LIBRARY for ALL" ISSN : 2289-9537

e- BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

www.facebook.com/library.uitm www.instagram.com/ptaruitm perpustakaanuitm.blogspot.my

# MAJLIS KEMUNCAK PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT CSR

## Ilmu Mengubah Destini, PTAR UiTM 2018





Pusat Sumber terpilih bagi program IMD UiTM

**Lokasi: Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Ya'kub, Merlimau, Melaka**

Pada 18 Oktober 2018, telah berlangsungnya Program Ilmu Mengubah Destini (IMD) anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam bersama Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Melaka (BTPN)di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Ya'kub (SMKDARY) Merlimau, Melaka. Program IMD merupakan salah satu usaha untuk mentransformasikan pembangunan Pusat Sumber Sekolah Menengah ke arah mewujudkan Pusat Sumber yang berprestasi tinggi berkonsepkan IR 4.0.

Majlis Kemuncak telah dirasmikan oleh YB Genie Lim Lin, Adun Machap Jaya merangkap Exco Wanita, Pembangunan Keluarga, Hal Ehwal Kebajikan dan Orang Asli Kerajaan Negeri Melaka mewakili Ketua Menteri Melaka.




Hak Cipta Terpelihara ©PTAR



Turut hadir YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Naib Canselor UiTM, YBhg. Datuk Prof. Madya Sabariah Mahat, Rektor UiTM Cawangan Melaka, Encik Noor Hidayat, Ketua Pustakawan UiTM, Encik Muhaidin Tamby, Penolong PPD (Perhubungan) Jasin, Encik Ahmad Kamal Mohd Don, Barisan Eksekutif Negeri UiTM Cawangan Melaka, Jawatankuasa Projek Library Make Over, para guru dan pelajar SMKDARY.

## Objektif Program :

i. Mentransformasikan pusat sumber sekolah dengan melengkapkan kemudahan koleksi dan fizikal Pusat Sumber Sekolah selari dengan era digital dan IR 4.0
ii. Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dalam menghasilkan semangat yang positif.
iii. Meningkatkan kemahiran di dalam memperolehi, menilai dan menggunakan maklumat bagi pembelajaran sepanjang hayat (life long learning).
iv. Meningkatkan pentadbiran dan pengurusan Pusat Sumber Sekolah agar di laksanakan dengan cara yang professional berdasarkan piawaian-piawaian yang ditetapkan.

Pelbagai program telah dijalankan dengan jayanya yang melibatkan para guru dan pelajar SMKDARY di antaranya:

i. Pertandingan Penulisan Karangan
ii. Ceramah Motivasi,
iii. Taklimat Kemasukan ke UiTM,
iv. Pertandingan Info Hunt,
v. Demo Input Bahan Perpustakaan,
vi. Word Search Puzzles, Spell It Right,
vii. Bengkel Robotik IR 4.0,
viii. Ulasan Buku @5 Minit,
ix. Pameran Keahlian Luar dari PTAR UiTM dan
x. Pameran dari pelbagai organisasi luar









# BENGKEL LITERASI MAKLUMAT UNTUK STAF PELAKSANA PERPUSTAKAAN UITM










Pada 30 & 31 Oktober 2018, Bengkel Literasi Maklumat untuk staf pelaksana Perpustakaan UiTM telah diadakan di Pusat IT, Perpustakaan Tun Abdul Razak. Bengkel ini telah dihadiri oleh 60 orang staf pelaksana Perpustakaan UiTM.

## *Objektif Bengkel :*

1.Untuk memberi pendedahan teknik penyampaian berkesan dalam membantu mengendalikan Kelas Kemahiran Maklumat (KKM)
2.Untuk meningkatkan kemahiran kepada Pembantu Pustakawan dalam membantu mengendalikan KKM
3.Untuk meningkatkan pengetahuan tentang perisian untuk membuat rujukan
4.Untuk menilai maklumat dan sumber-sumber maklumat
5.Untuk memahami etika penggunaan maklumat

# BENGKEL PENGGIATAN BUDAYA MEMBACA PUITM

Penggiatan Budaya Membaca adalah merupakan agenda Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah mencapai negara membaca tahun 2030. Kempen membaca perlu dinilai semula dan diberi pendekatan baharu yang mampu menarik minat lebih ramai masyarakat ke dunia pembacaan dan menjadikan membaca sebagai budaya yang menyeronokkan. Pelan tindakan bersepadu program penggiatan budaya membaca di Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia telah dirangka untuk pelaksanaan bagi tempoh tahun 2018-2020.

Bengkel Penggiatan Budaya Membaca PUiTM telah diadakan pada 3-4 Oktober 2018 di Bilik Seminar, PTAR UiTM Shah Alam. Bengkel ini telah disertai oleh 28 orang Ahli Jawatankuasa Induk Program Penggiatan Budaya Membaca PUiTM dan 31 orang Pustakawan yang terlibat dengan penggurusan Program Penggiatan Budaya Membaca Perpustakaan UiTM seluruh Malaysia.





## ***OBJEKTIF***

i.Memberi penerangan dan taklimat berkenaan strategi pelaksanaan penggiatan budaya membaca peringkat kebangsaan.

ii.Penerangan Penubuhan Ahli Jawatankuasa pelaksanaan penggiatan budaya membaca Induk dan Cawangan serta skop Ahli Jawatankuasa Kecil

iii.Menyediakan satu pelan tindakan jangka pendek (2019-2020) bagi Perpustakaan UiTM yang dapat menyumbang ke arah pencapaian aspirasi kerajaan iaitu menuju ke arah Negara Membaca 2030.





# BENGKEL PENYEDIAAN METADATA SISTEM ARKIB UNIVERSITI BERDASARKAN ISAD(G): GENERAL INTERNATIONAL STANDARD ARCHIVAL DESCRIPTION - SECOND EDITION



Bengkel Penyediaan Metadata Sistem Arkib Universiti adalah anjuran Jabatan Arkib Universiti dengan kerjasama Pensyarah Pengurusan Rekod dari Fakulti Pengajian Maklumat bagi memahami dan membincangkan dengan lebih lanjut perkara ISAD(G) untuk membina Metadata bagi Sistem Arkib Universiti yang masih dalam pembangunan.Bengkel ini melibatkan 14 orang peserta terdiri daripada 5 orang staf Jabatan Arkib Universiti, 6 orang Pensyarah Fakulti Pengurusan Maklumat dan 3 orang staf Bahagian Inisiatif Perpustakaan Digital, PTAR.

## OBJEKTIF BENGKEL

**Membangunkan Metadata Sistem Arkib berdasarkan ISAD (G): General International Standard Archival Description - Second Edition.**






# TAHNIAH, KUMPULAN KIK SHINE DARI PTAR MERAIH ANUGERAH EMAS (GOLD AWARD) DAN ANUGERAH PENJANAAN KOS SEBENAR TERBAIK









Tahniah dan Syabas kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) SHINE dari Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM di atas kejayaan meraih Anugerah Emas (Gold Award) dan Anugerah Penjanaan Kos Sebenar Terbaik di Pertandingan Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Zon Tengah 2018 di Insitut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) UiTM Bandar Enstek, Negeri Sembilan pada 3 Oktober 2018.

# KURSUS ETOS PERKHIDMATAN AWAM






Pada 16 Oktober 2018 (Khamis), telah diadakan Kursus ETOS Perkhidmatan Awam. Kursus ini disertai oleh 20 orang staf yang disampaikan oleh Puan Norazlin Mohd Yusof dari Unit Latihan, Bahagian Pentadbiran PTAR.

***Objektif:***

1.Mengaplikasi lapan (8) nilai ETOS semasa melaksanakan tugas sebagai penjawat awam.
2.Mengenal pasti kepentingan pembudayaan ETOS dalam perkhidmatan awam.
3.Memahami kepentingan berintegriti dalam menjalankan tugas yang diamanahkan

# PROGRAM CLEAN TRAILS DI BUKIT BATU PUTIH, PORT DICKSON










Kelab Sahabat PTAR telah mengadakan Program Clean Trails di Bukit Batu Putih, Port Dickson pada 27 Oktober 2018 (Sabtu) yang disertai oleh 35 orang pelajar.

Program ini bertemakan aktiviti riadah sambil memupuk pelajar dan orang awam untuk menjaga kebersihan alam semula jadi selain menikmati keindahannya.

Objektif program adalah untuk melatih dan mendedahkan pelajar kepada aktiviti bekerja dalam kumpulan, mewujudkan rasa tanggungjawab menjaga dan menikmati keindahan alam semula jadi serta menarik minat para pelajar UiTM untuk mengganggotai Kelab Sahabat PTAR.

Program ini akan turut disertai oleh Staf PTAR selaku Urusetia dan Pegawai Pengiring, iaitu:-

1. Encik Mohd Khairul Idzwan Mohd Saad (Pembantu Pustakawan Kanan) - Bahagian Pengurusan Pelanggan dan Koleksi
2. Cik Zayani Zakaria (Pembantu Pustakawan) - Bahagian Terbitan Bersiri & Sumber Elektronik
3. Cik Anis Fadilah Zulkifli (Pembantu Pustakawan) - Unit Pembangunan dan Perkhidmatan Pangkalan Data
4. Puan Rozita Binti Sharudin (Pembantu Pustakawan) - Perpustakaan Sains & Teknologi.

# TAHNIAH PTAR JOHAN KATEGORI KEWANGAN (PROSES PEMBAYARAN PERPUSTAKAAN) DI SIMPOSIUM KECEMERLANGAN OPERASI













Tahniah diucapkan kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) kerana telah dinobatkan sebagai Johan Kategori Kewangan (Proses Pembayaran Perpustakaan) di Simposium Kecemerlangan Operasi (OE) yang telah berlangsung pada 15 okt 2018 bertempat di Intekma Resort & Convention Centre,Shah Alam.

# PAMERAN OKTOBER 2018 : PAMERAN DIGITAL MALAYSIA

Oleh: Adlina Abdullah






Perkembangan digital tidak lagi boleh dinafikan kepentingannya di Malaysia. Justeru itu, Pameran Oktober 2018 adalah pameran usahasama PTAR dan juga MIMOS Berhad. Pameran kali ini memberi fokus kepada peranan MIMOS dalam perkembangan digital di Malaysia .Objektif utama pameran adalah untuk memberi pendedahan tentang perkembangan digital kepada warga UiTM.

i. ***UAP (Unified authentication platform)***
ii. ***Pilgrim Health Information System***
iii. ***Sistem Pemantauan Bersepadu Agensi Kerajaan***
iv. ***Agrobazaar***
v. ***Traceability System (MyTrace)***
vi. ***Autonomous Content Propagation System***
vii. ***Traffic Control and Surveillance System***
viii. ***Wireless Sensor Network***

Pameran Oktober 2018 berlangsung sepanjang Oktober 2018. Semoga dengan pameran ini dapat memberi manfaat pada semua warga universiti.

# BENGKEL LONJAKAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA









***Tarikh: 2 -3 Oktober 2018***
***Tempat: Bilik Seminar, PTAR***
***Peserta: PTAR dan Cawangan***

Pada tahun 2018, Perpustakaan UiTM memberi fokus kepada lonjakan perkhidmatan bagi memastikan peranan perpustakaan dan pustakawan dalam menyokong inisiatif universiti ke arah kampus digital dan penggiatan budaya membaca dikalangan warga universiti dapat dilaksanakan . Perpustakaan kini secara aktif merekabentuk semula perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan sejajar dengan perubahan yang berlaku terhadap masyarakat, persekitaran dan perkembangan pesat teknologi maklumat. Era digital ini memberi cabaran baharu kepada perpustakaan untuk berusaha dan berjuang agar terus maju kehadapan. Bengkel ini diadakan khusus kepada staf Universiti Teknologi MARA yang terdiri daripada Pegawai Perhubungan perpustakaan dan Pustakawan Rujukan.

## OBJEKTIF

*i.* ***Mengadakan sesi sumbang saran dan perbincangan aktif khususnya mengenai aspek perkhidmatan dan kemudahan baharu yang boleh ditawarkan dan dinikmati oleh pengguna dalam memperkasakan peranan PTAR di Universiti.***

*ii.* ***Mengenalpasti keperluan dan kehendak utama pengguna bagi memantapkan budaya membaca, meningkatkan jumlah penggunjung fizikal dan menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan di Perpustakaan UiTM.***

*iii.* ***Menjana idea baru yang segar daripada pengguna dalam membantu perancangan merekabentuk semula perkhidmatan perpustakaan UiTM.***

# PROGRAM "JOM KE LIBRARY"

Oleh: Idris Bin Muhammad






**Tarikh : 17 September 2018 hingga 4 Oktober 2018**

**Lokasi: Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM Cawangan Johor**

Informasi kian dirasakan penting dalam kehidupan seiring dengan berkembangnya ilmu pengetahuan dan teknologi. Justeru itu, perpustakaan haruslah terus berkembang, baik dari koleksi mahupun perkhidmatannya agar terus kekal relevan. Oleh itu, Perpustakaan Tun Dr. Ismail telah mengambil satu inisiatif dengan melaksanakan satu program promosi bagi menggalakkan pengguna ke perpustakaan dan seterusnya menggunakan kemudahan yang disediakan. Program ini juga merupakan salah satu strategi perpustakaan untuk mencapai KPI perpustakaan UiTM kedua iaitu "Jumlah pengunjung fizikal perpustakaan tidak kurang 4 juta setahun". Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di perpustakaan untuk dimanfaatkan oleh seluruh warga kampus sepanjang 3 minggu.

***Permainan aktiviti berkumpulan :***

- ***This Blows***
- ***Moving on Cup***
- ***Cup Collection***
- ***Stack attack***
- ***Flip your lid***
- ***Cup ballet***
- ***Yank Me***
- ***Dam Gergasi***

***Permainan aktiviti individu***

- ***E-sports : Survival***
- ***Kuiz***











Program ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada pengguna perpustakaan. Statistik pengunjung perpustakaan menunjukkan sebanyak 12,470 pengguna telah datang berkunjung ke perpustakaan sepanjang tiga minggu program ini dilaksanakan. Diharapkan program ini dapat memberi pendedahan kepada pengguna.

# TAHNIAH KIK AKAR, JOHAN KIK UITM ZON SELATAN

Oleh: Siti Rozana binti Mat Sanat

Telah berlangsung Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat Zon Selatan yang disertai oleh 7 Kumpulan dari UiTM Cawangan Johor dan UiTM Cawangan Negeri Sembilan. PTDI Kampus Segamat diwakili oleh Kumpulan AKAR, manakala PTDI Kampus Pasir Gudang diwakili oleh Kumpulan Idealistik. Kumpulan AKAR dengan projek Smart Edutainment telah meraih beberapa Anugerah dan telah melayakkan Kumpulan ini bertanding ke Konvensyen KIK UiTM Kali ke 24 di Pulau Pinang.

Anugerah yang telah diperolehi adalah :

Johan : Kumpulan AKAR

Pembentang Lelaki Terbaik : Mohd Azmi bin Samsuri

Dokumentasi Terbaik : Kumpulan AKAR

Anugerah KIK PrimerTerbaik Inovasi Pengurusan (Kategori Penciptaan) : Kumpulan Idealistik









Tahniah dan syabas diucapakan kepada KIK AKAR dan KIK IDEALISTIK diatas anugerah dan pencapaian yang diperolehi.

# READ@UNI PROGRAMME

Oleh: Nurayuni Dayana Nor Azman














## Tarikh: 26 Oktober 2018

Program Read@Uni - With Knowledge We Lead telah disertai seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, pensyarah dan staf UiTM Cawangan Melaka. Antara pengisian program adalah Perkongsian Amalan Terbaik Perpustakaan Uitm Kampus Jasin, oleh En Mohd Ismail, Penerangan Program Read@Uni Contest oleh Puan Nurayuni Dayana, dan Book Talk (Ulasan Buku) oleh Tetamu Undangan, En Mohd Fhais. Di akhir program, para peserta juga telah menghantar borang penyertaan Book Review Contest. Read@Uni program ini merupakan salah satu projek bagi membudayakan masyarakat membaca, ilham dari Menteri Pendidikan, YB Dr Maszlee Malik. Pihak Perpustakaan juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua peserta program terutamanya kepada Puan Ainaa Idayu Binti Iskandar atas kolaborasi projek ini.

# BENGKEL INTEGRITI AKADEMIK DAN PLAGIARISMA




Sebagai usaha membanteras isu plagiarisma di kalangan warga UiTM Cawangan Kedah, pihak Perpustakaan Sultan Badlishah telah menjayakan Bengkel Integriti Akademik dan Plagiarisme pada 17 Oktober 2018. Memberi penerangan yang lebih jelas dan tepat mengenai isu plagiarisme dan tindakan yang dapat dilaksanakan bagi membanteras isu plagiat dan memberi pendedahan mengenai teknik penggunaan perisian Turnitin. Ceramah Integriti Akademik dan Plagiarisme telah melibatkan seramai 70 orang pelajar daripada pelbagai fakulti dan Bengkel Turnitin pula melibatkan seramai 21 orang pensyarah.

# BENGKEL PEMANTAPAN PENYEDIAAN FAIL MEJA




Pada 17 Oktober 2018, semua kakitangan Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB), UiTM Cawangan Kedah telah terlibat di dalam Bengkel Pemantapan Penyediaan Fail Meja. Bengkel ini telah bermula pada pukul 10.30 pagi bertempat di Sudut IT, PSB dan telah dikelolakan oleh Ketua Perpustakaan iaitu Puan Azizah Khasim. Melalui pelaksanaan bengkel ini, semua staf PSB telah berjaya menghasilkan dan melengkapkan fail meja masing-masing mengikut ketetapan yang ditetapkan oleh UiTM.

# HARI EXPLORASI PSB 2018
# PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH UITM CAWANGAN KEDAH





Hari Explorasi PSB 2018 telah berlangsung pada 23-25 Oktober 2018. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan dan telah menerima sambutan hangat daripada para pengguna di UiTM Kedah. Majlis Perasmian Hari Explorasi PSB 2018 telah disempurnakan oleh Y.B. Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Kedah dan turut disertai oleh pihak pengurusan UiTM Cawangan Kedah, Kordinator Program dan Ketua-Ketua Program. Objektif Hari Explorasi PSB 2018 adalah untuk mendekati warga UiTM Cawangan Kedah dengan mempromosikan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di PSB. Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan memberi tumpuan kepada usaha setiap unit untuk meningkatkan key performance indicator (kpi) setiap unit.

# AKTIVITI JOM LUKIS (POSTER GALAKAN MEMBACA)
# PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH UITM CAWANGAN KEDAH






Sempena Hari Explorasi PSB 2018, pihak Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB) telah mengadakan satu aktiviti untuk menyokong kepada Kempen Galakan Membaca di kalangan pelajar UiTM Cawangan Kedah. Program berkenaan dinamakan sebagai "Jom Lukis". Aktiviti ini memerlukan para peserta untuk menterjemahkan idea mereka melalui tema "Kempen Galakan Membaca". Aktiviti ini telah menerima penyertaan ramai para pelajar daripada pelbagai fakulti. Idea-idea ini telah dinilai oleh Pensyarah Fakulti Seni Reka dan Seni Lukis UiTM Cawangan Kedah.Pihak PSB akan lebih menggiatkan usaha untuk menyemarakkan program galakan membaca di kalangan warga UiTM Cawangan Kedah.

# PENILAIAN REKOD DI UNIT KESELAMATAN

Oleh: Mohd Fadhli bin Samsudin






Tarikh: 15-19 Oktober 2018

Unit Arkib Perpustakaan Al-Bukhari telah menjalankan proses penilaian rekod dan fail di Unit Keselamatan. Penilaian bertujuan untuk menilai dan memilih rekod dan fail yang perlu dilupuskan atau disimpan berdasarkan kepentingan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Penilaian turut disertai Pn. Rosnita Ja'afar, Timbalan Ketua Pustakawan bersama-sama staf Unit Arkib.

# TAKLIMAT PENGURUSAN REKOD & FAIL SERTA PENGURUSAN PEJABAT





Tarikh: 18-29 Oktober 2018

Unit Arkib Perpustakaan Al-Bukhari telah menerima pelajar dari Fakulti Pengurusan & Perniagaan bagi mendengar taklimat berkaitan Pengurusan Rekod & Fail Serta Pengurusan Pejabat. Taklimat disampaikan oleh Pn. Norfitriah, iaitu Ketua Unit Arkib Cawangan Pahang. Pelajar yang datang dalam kumpulan ini telah hadir ke perpustakaan secara berperingkat. Taklimat dijalankan di dalam Bilik Mesyuarat Perpustakaan selama hampir satu jam untuk setiap sesi. Selepas sesi taklimat, pelajar dibawa melawat ke bilik fail dan rekod perpustakaan untuk lebih memahami kaedah pengurusan rekod dan fail pejabat.

# TERPILIH SEBAGAI "FINALIST" PERTANDINGAN AKHIR ANUGERAH KUALITI REKTOR (AKR) 2018




## TAHNIAH PTAR UITM SABAH




PTAR UiTM Cawangan Sabah telah berjaya terpilih sebagai "finalist" Pertandingan Akhir Anugerah Kualiti Rektor (AKR) 2018 pada 12 Oktober 2018 (Jumaat) di Dewan Tun Mustapha, Ujana Sarjana. Pembentangan akhir telah diketuai oleh Encik Romi Rampun@Ramlan, Timbalan Ketua Pustakawan diiringi oleh Pustakawan Kanan, Puan Haryati Ramlee, Cik Marlia Yuming - Pustakawan, Encik Mohd Iskandar Abdullah dan Encik Zakariamat Mattiong. Sekalung tahniah diucapkan kepada pasukan PTAR UiTM Sabah.

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN




**GET CAUGHT READING**
**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK - SEPANJANG OKTOBER 2018**




**MAJLIS BACAAN DOA SELAMAT DAN YASIN SEMPENA PEMBUKAAN BANGUNAN BAHARU JABATAN ARKIB UNIVERSITI**
**JABATAN ARKIB UNIVERSITI, PTAR - 26 OKTOBER 2018**

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN




**GET CAUGHT READING**
**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK - SEPANJANG OKTOBER 2018**




**MAJLIS BACAAN DOA SELAMAT DAN YASIN SEMPENA PEMBUKAAN BANGUNAN BAHARU JABATAN ARKIB UNIVERSITI**
**JABATAN ARKIB UNIVERSITI, PTAR - 26 OKTOBER 2018**

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN




**MESYUARAT KHAS JAWATANKUASA KETUA PUSTAKAWAN UNIVERSITI AWAM**
**BILIK MESYUARAT PTAR UTAMA - 8 HINGGA 11 OKTOBER 2018**




**LAWATAN AUDIT PENGAWASAN (SURVEILLANCE) 1**
**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UTAMA - 29 OKTOBER 2018**





**KEMPEN DERMA DARAH**
**PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL, JOHOR - 26 SEPTEMBER 2018**

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN



**SCIENTIFIC WRITING WORKSHOP 3: RESEARCH PROPOSAL WRITING & PRESENTATION**
**PERPUSTAKAAN, KAMPUS SG BULOH (FAKULTI PERUBATAN & PERGIGIAN) - 9 OKTOBER 2018**



**TIPS & TECHNIQUES TO YOUR EBSCO CONTENT**
**PERPUSTAKAAN, KAMPUS SG BULOH (FAKULTI PERUBATAN & PERGIGIAN) - 25 OKTOBER 2018**

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN





**BENGKEL JURULATIH UTAMA PEMBUDAYAAN STEM MELALUI INQUIRY-BASED SCIENCE EDUCATION (IBSE) PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 2018**
**PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN - 8 HINGGA 11 OKTOBER 2018**




**PERKHIDMATAN BERGERAK LEMBAGA TABUNG HAJI @LIBRARY**
**PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN - 22 HINGGA 24 OKTOBER 2018**





**READ@UNI PROGRAMME**
**PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN - 26 OKTOBER 2018**

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN









**PAMERAN SETEM MALAYSIA SEMPENA HARI POS SEDUNIA 2018**
**UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA - 11 HINGGA 31 OKTOBER 2018**





**PROGRAM KESIHATAN: DERMA DARAH**
**UITM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS BANDARAYA - 30 HINGGA 31 OKTOBER 2018**

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN





PROGRAM BUBUR ASYURA PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN 2018
PERKARANGAN PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KAMPUS DUNGUN - 8 OKTOBER 2018





PEMINDAHAN BUKU DARI PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN KAMPUS DUNGUN
KE PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN PAHANG KAMPUS RAUB
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UITM CAWANGAN TERENGGANU - 15 OKTOBER 2018






LATIHAN PANGKALAN DATA ATAS TALIAN: BERNAMA LIBRARY & INFOLINK SERVICE (BLIS) 2018
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KAMPUS DUNGUN - 1 OKTOBER 2018

# LAWATAN KE PTAR OKTOBER 2018



**PENGAWAS PUSAT SUMBER SMK PULAU SERAI**
**TARIKH: 15 OKTOBER 2018**
**TEMPAT: PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KAMPUS DUNGUN , UITM CAWANGANTERENGGANU**



**TADIKA LITTLE CALIPHS, KULIM**
**TARIKH: 11 OKTOBER 2018**
**TEMPAT: PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UITM CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS PERMATANG PAUH**



**SEKOLAH KEBANGSAAN SELANDAR, MELAKA**
**TARIKH: 19 OKTOBER 2018**
**TEMPAT: PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN**




**LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH UKAS**
**TARIKH: 23 OKTOBER 2018**
**TEMPAT: PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN**

# LAWATAN KE PTAR OKTOBER 2018



**SMK MERBOK**
**TARIKH: 23/10/2018**
**TEMPAT: PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH UITM CAW. KEDAH**



**SMK SG. LAYAR**
**TARIKH: 24/10/2018**
**TEMPAT: PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH, UITM CAW. KEDAH**



**MAKTAB MAHMUD MERBOK**
**TARIKH: 24/10/2018**
**TEMPAT: PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH UITM CAW. KEDAH**



**SMK SERI GUNONG**
**TARIKH: 25/10/2018**
**TEMPAT: PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH, UITM CAW. KEDAH**

# LAWATAN KE PTAR OKTOBER 2018



SMK JENGKA 16, JENGKA
TARIKH: 10 OKTOBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAW. PAHANG, KAMPUS JENGKA



SMK BADIN TUARAN
TARIKH: 04 OKTOBER 2018
TEMPAT: PTAR UITM CAWANGAN SABAH



SK WAN IBRAHIM, KUALA LIPIS
TARIKH: 23 OKTOBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAW. PAHANG, KAMPUS JENGKA



SK JENGKA PUSAT 2, JENGKA
TARIKH: 26 OKTOBER 2018
TEMPAT: PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAW. PAHANG, KAMPUS JENGKA

# LAWATAN KE PTAR OKTOBER 2018



**LAWATAN SMA MARANGTERENGGANU**
**TARIKH: 19 OKTOBER 2018**
**TEMPAT: PUSAT SUMBER, UITM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS BANDARAYA**



**LAWATAN DARIPADA SMK UNDANG REMBAU**
**TARIKH: 16 OKTOBER 2018**
**TEMPAT: PTAR KAMPUS REMBAU**



**LAWATAN SMK KG BARU SI RUSA, PORT DICKSON**
**TARIKH : 17 OKTOBER 2018**
**TEMPAT: PTAR KAMPUS REMBAU**

# PAMERAN PTAR OKTOBER 2018











## PAMERAN DIGITAL MALAYSIA (SEPANJANG OKTOBER 2018)

Perkembangan digital tidak lagi boleh dinafikan kepentingannya di Malaysia. Justeru itu, Pameran Oktober 2018 adalah pameran usahasama PTAR dan juga MIMOS Berhad. Pameran kali ini memberi fokus kepada peranan MIMOS dalam perkembangan digital di Malaysia .Objektif utama pameran adalah untuk memberi pendedahan tentang perkembangan digital kepada warga UiTM. Sehubungan itu, Antara intipati pameran Oktober 2018 adalah bahan pameran dari MIMOS Berhad meliputi poster-poster :

- **I. UAP (UNIFIED AUTHENTICATION PLATFORM)**
- **II. PILGRIM HEALTH INFORMATION SYSTEM**
- **III. SISTEM PEMANTAUAN BERSEPADU AGENSI KERAJAAN**
- **IV. AGROBAZAAR**
- **V. TRACEABILITY SYSTEM (MYTRACE)**
- **VI. AUTONOMOUS CONTENT PROPAGATION SYSTEM**
- **VII. TRAFFIC CONTROL AND SURVEILLANCE SYSTEM**
- **VIII. WIRELESS SENSOR NETWORK**

Pameran Oktober 2018 berlangsung sepanjang Oktober 2018. Semoga dengan pameran ini dapat memberi manfaat pada semua warga universiti.

# PAMERAN PERPUSTAKAAN UiTM CAWANGAN OKTOBER 2018




## PAMERAN SENI 'CETUSAN SENI JIWA SRIKANDI'

**TARIKH : 5/10 - 27/11/2018**
**TEMPAT: BAHAGIAN PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN MELAKA**






## PAMERAN SETEM MALAYSIA SEMPENA HARI POS SEDUNIA 2018

**TARIKH : 11 OKTOBER 2018 - 31 OKTOBER 2018**
**TEMPAT : PUSAT SUMBER ARAS 12, UITM CAWANGAN MELAKA, KAMPUS BANDARAYA**

# PAMERAN PTAR OKTOBER 2018






## PAMERAN SEMPENA BULAN KESEDARAN DISLEKSIA

**TAJUK PAMERAN : PAMERAN "APA ITU DISLEKSIA?"**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2018 - 31 OKTOBER 2018**

**TEMPAT: PTAR KAMPUS REMBAU**

**UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

**KAMPUS REMBAU**

